



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

INDUSTRI DIPELAWA SERTAI ANUGERAH TENAGA KEBANGSAAN 2025 TONJOL KEMAMPUAN DAN PENCAPAIAN DALAM PEMBANGUNAN TENAGA LESTARI

KUALA LUMPUR, 10 JANUARI 2025- Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah mengadakan Sesi Libat Urus bagi mempromosi dan memberi penerangan kepada pemegang taruh termasuk wakil industri mengenai penyertaan Anugerah Tenaga Kebangsaan atau *National Energy Awards* (NEA) untuk tahun 2025. Edisi Kelima NEA ini telah dibuka untuk penyertaan mulai 18 November 2024 sehingga 19 Februari 2025. Sesi libat urus yang dihadiri kira-kira 100 orang ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir.

Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA) telah diadakan sejak tahun 2018 untuk mengiktiraf usaha, sumbangan dan inisiatif terbaik dalam pembangunan tenaga lestari oleh pemain industri serta entiti kerajaan. Sebanyak 203 entiti yang telah menunjukkan inovasi serta kecemerlangan dalam menyokong aspirasi peralihan tenaga dalam bidang kecekapan tenaga atau tenaga boleh baharu telah diiktiraf pencapainya. Seramai 169 pemenang NEA seterusnya telah mewakili negara untuk ASEAN Energy Awards (AEA), dengan 150 entiti telah berjaya mendapat pengiktirafan AEA.

Penganjuran NEA juga merupakan sebahagian daripada kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam mempercepatkan peralihan tenaga Malaysia. Usaha sama ini membuka jalan untuk penjimatan kos operasi yang ketara, meningkatkan daya saing global, serta memastikan kelestarian alam sekitar untuk generasi akan datang. PETRA sebagai kementerian peneraju usaha peralihan tenaga sektor bekalan elektrik, terus komited untuk mengurangkan jejak karbon pembekalan elektrik negara dengan meningkatkan campuran TBB kepada 70% menjelang tahun 2050. Sehubungan itu, sepanjang tahun 2024, PETRA telah menerajui pelbagai dasar dan inisiatif pengawalseliaan dalam

menggalakkan kecekapan tenaga serta integrasi tenaga boleh baharu. Di antara inisiatif utama yang telah diketengahkan adalah melalui pendekatan seperti berikut:

- (a) memaksimumkan potensi solar melalui Program Solar Berskala Besar atau Large Scale Solar (LSS) serta Program Corporate Green Power Programme (CGPP) sehingga 2,800MW, yang mana ia merupakan jumlah kuota yang paling besar pernah diluluskan;
- (b) memanfaatkan dan meningkatkan pemasangan sistem solar di ruang premis bangunan untuk kegunaan sendiri menerusi peningkatan kuota Program Net Energy Metering (NEM) dan pemansuhan had kuota pemasangan di sistem solar di bawah Program Solar Self-Consumption (SelCo);
- (c) membuka akses grid terbuka menerusi Program *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS) bagi membolehkan syarikat korporat mendapatkan bekalan elektrik hijau secara terus daripada penjana TBB yang dipilih;
- (d) meningkat dan mempelbagaikan sumber penjanaan TBB bukan solar termasuk biogas, biojisim dan hidro kecil melalui Program *Low Carbon Energy Generation Programme* (LCEP) yang dikhususkan untuk pembangunan loji jana kuasa bukan solar; dan
- (e) memperkukuh serta meningkatkan keanjalan sistem grid melalui pelaksanaan projek rintis sistem penstoran tenaga dengan kapasiti 400MWj oleh TNB dan pembukaan bidaan kompetitif bagi pelaksanaan sistem penstoran tenaga dengan kapasiti 1,600MW.

Pelaksanaan pelbagai inisiatif berteraskan bekalan elektrik hijau sepanjang tahun 2024 ini membuktikan komitmen PETRA dalam menyediakan opsyen kepada pengguna elektrik untuk pengurangan jejak karbon penggunaan elektrik bagi memenuhi komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Langkah ini diharap akan menyumbang kepada pengurangan intensiti pelepasan karbon sektor bekalan elektrik, selaras dengan komitmen negara di bawah Perjanjian Perubahan Iklim Paris.

PETRA yakin penganjuran NEA ini di samping menyediakan peluang dan platform perkongsian amalan terbaik dalam pelaksanaan dalam bidang TBB dan kecekapan tenaga, turut bertindak sebagai pencetus serta pendorong

pihak industri untuk mengurangkan jejak karbon operasi serta rantaian pembekalan masing-masing.

Maklumat lanjut mengenai NEA 2025 boleh dilayari di laman sesawang <https://www.nationalenergyawards.com.my>.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
10 JANUARI 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

